

PERLAKSANAAN MATA PELAJARAN PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL DI PERINGKAT SEKOLAH MENENGAH KELANGSAAN : SATU TINJAUAN DI DAERAH BATU PAHAT

MOHD. AZAMRI BIN KANDARI

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

PERPUSTAKAAN KUI TTHO



3 0000 00119486 3

**KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN
(UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA)**

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS •

JUDUL: **PERLAKSANAAN MATA PELAJARAN PENDIDIKAN TEKNIK
DAN VOKASIONAL DI PERINGKAT SEKOLAH MENENGAH
KEBANGSAAN: SATU TINJAUAN DI DAERAH BATU PAHAT**

SESI PENGAJIAN: **2001/2002**

Saya **MOHD. AZAMRI BIN KANDARI**
mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Kolej Universiti
Teknologi Tun Hussein Onn dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:


1. Tesis ini adalah hakmilik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
2. Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. ****Sila tandakan (√)**

SULIT (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan dimana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD


(TANDATANGAN PENULIS)



Disahkan Oleh:


(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap:
No. T/L 50, Kg. Sungai Rambut,
86400, Parit Raja,
Batu Pahat, Johor.


PN. ANIZAM BT MOHAMED YUSOF
(Nama Penyelia)

Tarikh: 14 September 2001

Tarikh: 14 September 2001

- CATATAN: **** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.
- ◆ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

"Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Teknikal)"

Tandatangan : 
Nama Penyelia : Puan Anizam binti Mohamed Yusof
Tarikh : 14 September 2001

**PERLAKSANAAN MATA PELAJARAN PENDIDIKAN TEKNIK DAN
VOKASIONAL DI PERINGKAT SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN:
SATU TINJAUAN DI DAERAH BATU PAHAT**


MOHD. AZAMRI BIN KANDARI

**Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Teknikal)**

**Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
(Universiti Teknologi Malaysia)**

SEPTEMBER, 2001

"Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya".

Tandatangan : 

Nama Penulis : Mohd. Azamri bin Kandari

Tarikh : 14 September 2001

Khas buat Ayahanda dan Bonda tercinta..... terimalah kejayaan ini sebagai secebis balasan di atas segala pengorbanan Mu selama ini. Juga buat Kakak, Adik-adik dan teman tersayang yang sentiasa memberikan dorongan serta semangat, rakan-rakan seperjuangan terutamanya rakan-rakan sekuliah yang telah banyak membantu, pensyarah pembimbing yang telah banyak mencurahkan ilmu pengetahuan dan akhir sekali... terimalah ucapan sekalung Terima Kasih yang tidak terhingga dari Ku, jasa baik kalian tidak akan dilupakan. Bersyukur kita kepada-NYA.

PENGHARGAAN

Segala puji dan syukur ke hadrat Allah S.W. T kerana dengan izin-Nya dapat penulis menyempurnakan Kajian Kes ini dengan jayanya.

Di kesempatan ini, penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan ikhlas kepada pensyarah pembimbing kajian kes ini iaitu Puan Anizam binti Mohamed Yusof di atas segala bimbingan, nasihat, kritikan, bantuan serta suntikan semangat yang telah diberikan sepanjang pelaksanaan kajian ini. Penghargaan juga ditujukan kepada Encik Izam bin Ghazali selaku pensyarah penilai kajian kes ini yang telah memberikan dorongan dan tunjukajar terutamanya di dalam aspek penulisan laporan kajian.

Kerjasama daripada pihak Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), guru-guru dan sekolah-sekolah yang terlibat, amatlah dihargai di dalam memberikan sumbangan sebarang maklumat yang diperlukan di dalam kajian ini.

Penghargaan juga ditujukan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kajian kes ini.

ABSTRAK

Kajian kes ini merupakan satu tinjauan terhadap pelaksanaan mata pelajaran pendidikan teknik dan vokasional di sekolah-sekolah menengah kebangsaan sekitar daerah Batu Pahat. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap kesediaan fizikal sekolah, kelayakan guru dan pencapaian pelajar di sekolah-sekolah yang menawarkan mata pelajaran berkaitan. Metodologi kajian adalah berasaskan kajian tinjauan dengan menggunakan 2 instrumen, iaitu soal selidik dan temubual. Maklumat yang diperolehi dari tinjauan awal permasalahan kajian ini menunjukkan penawaran mata pelajaran pendidikan teknik dan vokasional hanya melibatkan mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan sahaja. Terdapat 4 buah sekolah menengah kebangsaan di daerah ini yang melaksanakan mata pelajaran tersebut bagi pelajar tingkatan 4 dan 5. Sampel kajian terdiri daripada 5 orang guru mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan yang ditempatkan di sekolah-sekolah berkenaan. Dapatan utama kajian menunjukkan 60% responden mempunyai pengalaman mengajar 3 hingga 4 tahun di dalam mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan. Kelulusan akademik tertinggi responden adalah di peringkat Ijazah Pertama iaitu 90% dengan 60% mempunyai latar belakang pendidikan di dalam bidang kejuruteraan. Dari segi kemudahan fizikal, kajian mendapati keseluruhan sekolah yang terlibat menyediakan 2 bilik iaitu bilik lukisan dan makmal komputer. Kebanyakan bangunan adalah bilik darjah yang diubahsuai 75% dan bangunan tambahan 25%. Secara keseluruhannya, prestasi pencapaian keseluruhan pelajar adalah pada tahap sederhana iaitu 80%, manakala 20% lagi memperolehi pencapaian pada tahap lemah. Terdapat beberapa cadangan dikemukakan untuk memperbaiki sistem yang sedia ada.

ABSTRACT

This case study was observed the implementation of technical and vocational education in secondary school at Batu Pahat. This study was observed the need of the school physically, teacher's qualification and student achievement at school which offered the subjects concerned. The study method was based on survey using 2 instruments that are questionnaires and interview. It was found that the technical and vocational education only offered Technical Drawing subject. There were only 4 schools that offered this subject for form 4 and form 5. The sample taken from these 4 schools are teachers, which involved in technical subject teaching. The result showed that 60% of the respondent had 3 to 4 years teaching experienced in technical drawing subject. The respondent highest academic achievement in first-degree level was 90% with 60% had educational background in engineering courses. The result also showed that the schools provide 2 rooms for drawing and computer lab. 75% of the rooms are actually from a classroom that had been renovated and 25% of the rooms are additional new building. The student had an averaged of 80% achievement, where else 20% had poor achievement. Base on this finding, a few suggestions had been made to improve the performance of implementing the technical and vocational subject in secondary school.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI LAMPIRAN	xii

BAHAGIAN SATU Pengenalan

BAB I	Pengenalan	1
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Pernyataan Masalah	7
	1.4 Persoalan Kajian	7
	1.5 Objektif Kajian	8
	1.6 Kepentingan Kajian	9
	1.7 Skop Kajian	9
	1.8 Definisi Istilah	10

BAHAGIAN DUA

SOROTAN KAJIAN

BAB II	SOROTAN KAJIAN	14
	2.1	Pendahuluan 14
	2.2	Cabaran-Cabaran Pendidikan Teknik Dan Vokasional 15
	2.3	Mata Pelajaran Pendidikan Lukisan Kejuruteraan 17
	2.3.1	Matlamat dan Objektif 18
	2.3.2	Isi Kandungan Dan Struktur 19
	2.4	Mata Pelajaran Pendidikan Teknologi Kejuruteraan 22
	2.4.1	Matlamat dan Objektif 22
	2.4.2	Isi Kandungan Dan Struktur 23
	2.5	Peranan Dan Cabaran Guru Pendidikan Teknik Dan Vokasional 25

BAHAGIAN TIGA

METODOLOGI KAJIAN

BAB III	METODOLOGI KAJIAN	32
	3.1	Pendahuluan 32
	3.2	Rekabentuk Kajian Maklumat 33
	3.3	Responden/Sumber Data 34
	3.4	Instrumentasi 34
	3.5	Kaedah Analisis Data 36
	3.6	Kajian Rintis 37
	3.7	Batasan Kajian 38
	3.8	Jangkamasa Kajian 38

BAHAGIAN EMPAT
ANALISIS DATA DAN KEPUTUSAN

BAB IV	ANALISIS DATA DAN KEPUTUSAN	39
4.1	Pendahuluan	39
4.2	Analisis Item Soal Selidik Bahagian A	40
4.2.1	Latar Belakang Sekolah	41
4.2.2	Latar Belakang Guru	43
4.3	Analisis Item Soal Selidik Bahagian B	46
4.3.1	Pencapaian Pelajar	46
4.3.2	Kemudahan Fizikal Sekolah	47
4.3.3	Kelengkapan Peralatan Bilik Lukisan Dan Makmal Komputer	48
4.3.4	Perlaksanaan Proses Pengajaran Dan Pembelajaran	51

BAHAGIAN LIMA
PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

BAB V	PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	53
5.1	Pendahuluan	53
5.2	Perbincangan	54
5.3	Kesimpulan	60
5.4	Cadangan	62

BAHAGIAN ENAM**BIBLIOGRAFI****BIBLIOGRAFI**

63

BAHAGIAN TUJUH**LAMPIRAN****LAMPIRAN**

LAMPIRAN A-C

68-75

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Keperluan peralatan di makmal komputer dan makmal lukisan	21
4.1	Lokasi sekolah dan tahun pelaksanaan mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan	41
4.2	Bilangan dan peratus guru-guru mata pelajaran	42
4.2	Bilangan dan peratusan pelajar yang mengambil mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan	42
4.4	Pernah mengajar di institusi pendidikan teknikal	43
4.5	Opsyen di dalam mata pelajaran elektif	44
4.6	Pengalaman mengajar mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan	44
4.7	Kelulusan akademik	45
4.8	Bidang pengkhususan guru	45
4.9	Pernah mengikuti kursus/program latihan	46
4.10	Pencapaian keseluruhan pelajar di dalam mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan	47
4.11	Kemudahan fizikal (bangunan) berdasarkan bilangan sekolah	47
4.12	Jenis bangunan berdasarkan bilangan sekolah	48
4.13	Purata taburan penyediaan peralatan keseluruhan sekolah terlibat	49
4.14	Taburan pandangan responden tentang pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran	52

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Surat kepada Pejabat Pendidikan Daerah Batu Pahat	68
B	Surat kepada pihak pentadbiran dan pengurusan sekolah	69
C	Borang soal selidik	70

BAB I

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Permintaan yang semakin meningkat terhadap bidang pendidikan teknik dan vokasional telah membuktikan terdapatnya prospek yang cerah dalam pasaran kerjaya. Semakin ramai pelajar yang memohon untuk mengikuti kursus atau program pendidikan tersebut. Kemasukan pelajar-pelajar ke institusi-institusi pendidikan dan pusat-pusat latihan yang menawarkan pembelajaran di dalam kedua-dua aliran ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan samada yang dikendalikan oleh pihak kerajaan mahupun swasta.

Fenomena ini berlaku berikutan penekanan yang diberikan oleh kerajaan dalam kedua-dua bidang berkenaan. Perlantikan Dato' Seri Mohd. Najib Tun Razak sebagai Menteri Pendidikan pada pertengahan tahun 1995 telah membuka era baru dalam sistem pendidikan negara (Shahril dan Habib, 1999). Banyak perubahan berlaku dalam pelbagai bidang pendidikan termasuk penumpuan khas dalam aliran

teknik dan vokasional. Langkah itu wajar bagi melahirkan tenaga mahir yang inovatif dan memenuhi permintaan tenaga kerja yang semakin meningkat.

Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menegaskan bahawa pendidikan teknikal bukan hanya merangkumi latihan semata-mata, malah sikap positif serta keterampilan individu sentiasa diberi keutamaan dalam mewujudkan tenaga kerja yang serba boleh (Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional, 1993).

Tujuan pendidikan teknikal adalah untuk menyediakan pelajar yang cenderung kepada bidang teknikal di peringkat pendidikan menengah atas bagi membolehkan mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi dalam bidang tersebut (Noor Azlina, 1999). Menurut Shahril dan Habib (1999) pula, objektif pendidikan teknikal adalah seperti berikut:

- a) Memberi pendidikan akademik yang seimbang.
- b) Menyediakan pendidikan asas dalam bidang sains dan teknologi kepada pelajar yang mempunyai kecenderungan terhadap bidang tersebut.
- c) Memupuk dan mengekalkan minat pelajar serta membolehkan mereka melanjutkan pengajian dalam bidang tersebut di institusi pengajian tinggi.

Pendidikan teknikal juga membolehkan pelajar mendapat pekerjaan di sektor teknikal, perindustrian dan perdagangan.

Sebagaimana laporan Pelan Tindakan Pengeluaran Tenaga Manusia (PTPTM 1995) dalam Noor Azlina (1999), menyatakan bahawa pengubalan PTPTM ini adalah bertujuan untuk meningkatkan pengeluaran sumber tenaga kepakaran seperti juruteknik-juruteknik dan jurutera-jurutera menjelang tahun 2020. Tambahnya lagi, kepakaran-kepakaran golongan ini akan dijanakan melalui satu strategi terancang bagi mendedahkan pelajar-pelajar di dalam bidang teknik dan vokasional semasa di peringkat sekolah menengah lagi. Isi kandungan pelan tersebut juga membabitkan penawaran mata pelajaran teknikal iaitu Lukisan Kejuruteraan dan Teknologi Kejuruteraan bagi pelajar-pelajar yang berada di tingkatan 4 dan tingkatan 5 Sekolah Menengah Akademik (SMA).

Di sekitar tahun 90-an, pihak Kementerian Pendidikan telah menambah bilangan sekolah-sekolah yang berlatar belakangkan teknikal seperti Sekolah Menengah Teknik (SMT) dan Sekolah Menengah Vokasional (SMV) bagi menampung permintaan yang tinggi di kalangan pelajar lepasan menengah rendah (Shahril dan Habib, 1999). Keadaan ini berlaku adalah disebabkan wujudnya kesedaran para pelajar dan ibu bapa pelajar terhadap kepentingan pendidikan teknik dan vokasional itu sendiri. Ketika negara sedang menuju ke arah sebuah negara perindustrian, mereka telah menyedari keperluan permintaan guna tenaga yang tinggi terutamanya di dalam bidang kejuruteraan, teknologi maklumat, kejuruteraan angkasa dan lain-lain lagi pada masa akan datang.

Pendidikan teknik dan vokasional disediakan oleh sistem pendidikan formal melalui Kementerian Pendidikan Malaysia, manakala bagi sistem pendidikan bukan formal adalah di bawah pengawasan agensi-agensi kerajaan serta badan-badan berkanun tempatan. Ianya jelas menunjukkan bahawa Malaysia begitu perihatin dan berusaha untuk melatih lebih ramai lagi sumber tenaga manusia demi mencapai hasrat Dasar Perindustrian Negara (DPN) (Ruhizan Mohd Yassin, 1999).

1.2 Latar Belakang Masalah

Struktur pendidikan di negara kita mempunyai beberapa peringkat yang utama. Peringkat persekolahan formal di Malaysia adalah berstruktur 6-3-2-2. Struktur ini membahagikan pendidikan itu kepada peringkat rendah (6 tahun), menengah rendah (3 tahun), menengah atas (2 tahun), dan peringkat selepas menengah (telah tamat mengikuti pendidikan menengah rendah dan menengah atas, tetapi tidak termasuk pendidikan tinggi) selama 2 tahun. Sementara pendidikan peringkat tinggi dalam bidang akademik dan profesional pula, disediakan oleh universiti-universiti dan institusi-institusi pengajian tinggi yang lain (Robiah Sidin, 1994).

Menurut Mansor (1996) dalam Noor Azlina (1999), Kementerian Pendidikan Malaysia turut memperkenalkan pendekatan baru pengajaran sains dan teknologi, iaitu *Preparation for Technology* di semua Sekolah Menengah Teknik (SMT) dan Sekolah Menengah Vokasional (SMV) mulai tahun 2000. Tambahnya lagi, kaedah pengajaran dan pembelajaran tersebut berlaku secara kontekstual yang mengaitkan perkara yang dipelajari dengan penggunaannya dalam kehidupan seharian. Langkah ini ternyata sejajar dengan hasrat untuk melahirkan lebih ramai sumber tenaga manusia yang mempunyai asas kukuh dalam bidang teknik dan vokasional.

Di peringkat sekolah rendah, halatuju utama pendidikan rendah ialah untuk memberikan asas yang kukuh terutama asas kemahiran menulis, membaca dan mengira. Pada peringkat ini juga mata pelajaran teknik dan vokasional telah ditawarkan kepada pelajar di tahun 4, 5 dan 6 iaitu mata pelajaran Kemahiran Hidup Sekolah Rendah (KHSR) (Azizi Yahaya, 1998). Pelaksanaan mata pelajaran tersebut yang berasaskan amali adalah melibatkan aspek-aspek celik teknologi, kesedaran ekonomi dan pengurusan diri. Kemahiran yang dibekalkan merupakan aktiviti yang berguna dalam kehidupan sehari-hari seperti membuka-pasang, menyenggara, membaiki kerosakan kecil, mengusahaniagikan barang, menanam, menternak, memasak, menjahit, pengurusan diri dan kerja (Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, 1998).

Pendidikan di peringkat sekolah menengah merupakan kesinambungan persekolahan peringkat sekolah rendah dan menggambarkan sejauhmanakah keberkesanan pembelajarannya. Pendidikannya berlaku secara menyeluruh dan terbahagi kepada menengah rendah dan menengah atas. Pada tahun 1989, pelaksanaan mata pelajaran Kemahiran Hidup melalui Program Peralihan telah dimulakan di tingkatan 1, 2 dan 3. Diikuti pada tahun 1991, pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) telah memperkenalkan mata pelajaran Kemahiran Hidup kepada pelajar di sekolah menengah rendah. Mata pelajaran teras yang ditawarkan termasuk Kemahiran Manipulatif, Perdagangan/Keusahawanan, Kekeluargaan dan Rekacipta (Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, 1991).

Keupayaan dan kejayaan pelajar di dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) akan membolehkan mereka meneruskan pengajian ke tingkatan 4 berdasarkan kelayakan serta aliran pendidikan yang sesuai. Pendidikan menengah atas terdapat tiga jenis aliran persekolahan, iaitu Sekolah Menengah Teknik (SMT) dan Sekolah Menengah Vokasional (SMV), Sekolah Menengah Akademik (SMA) dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1993).

Pelajar-pelajar aliran teknikal di Sekolah Menengah Akademik (SMA) akan ditawarkan mata pelajaran Reka Cipta, Lukisan Kejuruteraan dan Teknologi Kejuruteraan. Sebagai contoh, kandungan kurikulum mata pelajaran Reka Cipta menekankan aspek-aspek kreativiti, penghasilan produk yang inovatif dan bernilai komersial dengan menggunakan kemahiran teknikal dan daya kreativiti pelajar. Kaedah pengajaran mata pelajaran ini adalah secara tunjuk ajar, kerja-buat sendiri, sesi kreativiti dan kritik, kajian dan rujukan serta kerja projek (Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan 1995).

Menteri Pendidikan, Dato' Seri Najib Tun Razak (1998) dalam Ruhizan Mohd Yasin (1998), telah mengumumkan bahawa sistem peperiksaan terbuka yang bermula tahun 1999 bagi pelajar-pelajar yang akan mengambil Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2000 dan tahun seterusnya mempunyai petanda yang baik ke arah mengintegrasikan pendidikan akademik dan teknikal. Dalam sistem peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia SPM terbuka, penawaran mata pelajaran teknikal merupakan pakej yang mengandungi bidang Sains dan Teknologi. Dalam pakej ini, mata pelajaran yang ditawarkan ialah:

1. Bahasa Malaysia
2. Bahasa Inggeris
3. Sejarah
4. Pendidikan Islam
5. Matematik
6. Satu Mata pelajaran Sains (Fizik, Biologi)

7. Kimia
8. Matematik Tambahan
9. Lukisan Kejuruteraan
10. Teknologi Kejuruteraan

Mata pelajaran 1 hingga 6 merupakan mata pelajaran teras yang wajib diambil dan 7 hingga 10 merupakan mata pelajaran pilihan atau elektif.

Penawaran mata pelajaran tersebut di Sekolah Menengah Akademik (SMA) merupakan satu langkah untuk mengintegrasikan pendidikan teknikal dan akademik. Integrasi pendidikan akademik dan teknikal di Malaysia merupakan satu inovasi yang perlu dilakukan seiring dengan senario semasa dalam sistem pendidikan di Malaysia serta keperluannya terhadap pembangunan negara pada masa hadapan (Ruhizan Mohd Yasin, 1998). Perubahan sistem pendidikan teknik dan vokasional pada tahun 1995 telah menyebabkan penawaran mata pelajaran pendidikan teknik dan vokasional iaitu Lukisan Kejuruteraan dan Teknologi Kejuruteraan di Sekolah Menengah Akademik (SMA). Ianya adalah bertujuan untuk menambahkan bilangan tenaga kerja dalam bidang teknikal yang akan diperluaskan ke dalam sektor perkilangan dan perindustrian.

Menurut laporan Institut Jurutera Malaysia (2000) dalam Maimunah Ismail (1999), keperluan negara terhadap lulusan-lulusan di dalam bidang kejuruteraan pada masa ini adalah seramai 15 000 lulusan setahun dan dijangkakan angka tersebut akan ditingkatkan dalam jangkamasa 10 tahun akan datang. Tambahnya lagi, daripada jumlah itu, lulusan-lulusan di dalam profesion jurutera peringkat tinggi dan pertengahan yang diperlukan seramai 4000 orang manakala bakinya adalah pekerja-pekerja mahir dan juruteknik-juruteknik.

1.3 Pernyataan Masalah

Mata pelajaran pendidikan teknik dan vokasional telah ditawarkan kepada pelajar-pelajar yang berada di tingkatan 4 dan 5, Sekolah Menengah Kebangsaan di dalam aliran teknikal. Ini merupakan salah satu alternatif yang dapat memberikan gambaran dan pengetahuan secara umum tentang asas-asas bidang kejuruteraan dan kemahiran.

Melalui aspek-aspek tersebut juga dapat menarik minat pelajar-pelajar lepasan sekolah menengah akademik untuk mendalami dan mengikuti perkembangan semasa di dalam bidang berkaitan. Pendedahan serta pengetahuan di peringkat ini boleh menjadi batu loncatan kepada pelajar untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Pengkaji ingin mengkaji sejauhmana pelaksanaan mata pelajaran pendidikan teknik dan vokasional di peringkat Sekolah Menengah Kebangsaan jenis akademik. Aspek-aspek utama kajian adalah melibatkan kemudahan-kemudahan fizikal, latar belakang kelulusan/kelayakan guru dan pencapaian pelajar. Kajian ini merupakan tinjauan terhadap pelaksanaan mata pelajaran teknik dan vokasional di sekolah-sekolah menengah kebangsaan jenis akademik di daerah Batu Pahat.

1.4 Persoalan Kajian

Kajian ini secara umumnya bertujuan untuk meninjau sejauhmanakah kelancaran mata pelajaran pendidikan teknik dan vokasional dapat dilaksanakan di sekolah menengah kebangsaan jenis akademik. Mata pelajaran yang terlibat dalam kajian ini adalah Lukisan Kejuruteraan dan Teknologi Kejuruteraan bagi pelajar yang

berada di tingkatan 4 dan 5. Penyediaan prasarana yang lengkap diperlukan bagi membantu kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini dijalankan untuk mengetahui:

- Sejujukan tahap kemudahan fizikal yang terdapat di sekolah-sekolah yang melaksanakan mata pelajaran pendidikan teknik dan vokasional.
- Adakah guru-guru yang mengajar mata pelajaran tersebut mempunyai kelayakan atau kelulusan yang diperlukan.
- Sejujukan tahap pencapaian pelajar-pelajar yang terlibat dengan mata pelajaran tersebut.

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian adalah bagi mengenalpasti melalui langkah-langkah dan kaedah yang berkaitan untuk menyelesaikan permasalahan kajian termasuk:

- Tahap kemudahan-kemudahan fizikal yang terdapat di sekolah-sekolah berkenaan dapat memenuhi keperluan pelaksanaan mata pelajaran pendidikan teknik dan vokasional termasuk kelengkapan bilik-bilik khas, makmal dan peralatan-peralatannya.
- Latar belakang guru-guru mata pelajaran pendidikan teknik dan vokasional dari segi kemahiran, kelayakan dan kesediaannya di dalam proses pengajaran dan pembelajaran.
- Tahap pencapaian pelajar-pelajar lepas di dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).